

18/08/1997

PM beri amanat penting di Kelantan

PASIR PUTEH, Ahad - Badan Perhubungan Umno Kelantan mengarahkan semua ahli jawatankuasa Umno membabitkan 1,800 cawangan di negeri ini, termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita menghadiri majlis pertemuan rakyat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Cherang Ruku, Semerak 29 Ogos ini.

Lawatan Perdana Menteri selaku Presiden Umno ke Semerak itu juga sempena penutupan konvensyen Umno Kelantan, selama dua hari yang berlangsung di Kota Bharu.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, dijangka memberi amanat penting kepada rakyat Kelantan, khususnya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak yang memberi sokongan padu kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil kawasan itu, 11 Ogos lalu.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata kira-kira 30,000 rakyat Kelantan dan seluruh ahli Umno dijangka membanjiri pekan Cherang Ruku di Semerak untuk mendengar amanat Perdana Menteri itu.

Menurutnya, rakyat yang tinggal di kawasan bersempadan dengan Semerak, iaitu di Besut dan Setiu, Terengganu juga dijangka menghadiri majlis sambutan itu.

"Perdana Menteri sudah mengesahkan untuk hadir pada majlis itu dan beliau dijangka tiba ke Cherang Ruku, kira-kira jam 4 petang.

"Beliau (Perdana Menteri) datang untuk bertemu rakyat Semerak dan mengucapkan terima kasih kerana memberi sokongan padu dan kepercayaan kepada BN dalam pilihan raya kecil kawasan itu baru-baru ini.

"Sempena majlis penutup konvensyen Umno, Perdana Menteri sebagai ketua parti akan menyampaikan amanat penting kepada seluruh rakyat Kelantan," katanya ketika menghadiri majlis kesyukuran kemenangan BN bagi peti undi Pulau Lima dan Gong Kala, dekat sini, semalam.

Difahamkan selepas menyampaikan amanat penting, Perdana Menteri dijangka menerima 'Deklarasi Semerak', antara lain mengandungi agenda masa depan BN di Kelantan.

(END)